



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000
Faks: 03 – 8891 5557
Laman Web: www.kpkt.gov.my
Emel: media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter: www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook: www.facebook.com/KPKTMalaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.47()
Tarikh : 18 NOVEMBER 2017

KENYATAAN MEDIA

HARI KITAR SEMULA KEBANGSAAN (HKSK) 2017

Putrajaya, 18 November 2017 – Hari Kitar Semula Kebangsaan yang disambut setiap tahun pada 11 November telah diadakan tahun ini di Anjung Floria, Putrajaya. Penganjuran sambutan pada tahun ini adalah bertemakan #PeluangKedua atau #SecondChance yang bermaksud sisa pepejal dimanfaatkan semula daripada dilupuskan; bumi berpeluang untuk dipelihara dan dipulihara melalui amalan 3R (Reduce, Reuse dan Recycle); dan masyarakat pula masih berpeluang dan tidak terlambat untuk memulakan amalan 3R. Elemen 3R ini seharusnya tidak asing lagi kepada masyarakat namun penganjuran bertujuan memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai kepentingan amalan 3R atau amalan mengurangkan, guna semula dan kitar semula sisa pepejal; dan menggalakkan pembudayaan amalan 3R sebagai langkah paling penting dan berkesan dalam menguruskan sisa pepejal secara mapan demi generasi akan datang.

Pada tahun ini HKSK menampilkan kelainan dengan program HKSK Fun Walk yang mana penyertaan adalah percuma di mana para peserta hanya disyaratkan untuk membawa barangan kitar semula iaitu 10 unit botol plastik atau 10 unit tin aluminium atau 10 naskah Surat Khabar. Hasil pengumpulan dan jualan barangan kitar semula berkenaan akan disalurkan ke Tabung Kemanusiaan Rohingya: Negaraku Prihatin sebagai simbolik #PeluangKedua bahawa sisa kitar semula berkenaan bernilai dan mampu menyumbang kepada kebajikan masyarakat Rohingya.

Selain itu, 3R *Sculpture Competition* yang merupakan pertandingan mereka cipta barangan baharu daripada barangan kitar semula telah dianjurkan sebelum ini mempertaruhkan hadiah lumayan sebanyak RM80,000 akan diketahui pemenangnya. Hasil *sculpture* atau arca ini turut dipamerkan untuk tontonan umum sebagai manifestasi bahawa barangan kitar semula yang sebelum ini dilihat sebagai tidak bernilai mampu menghasilkan sebuah arca yang bernilai dan memberi inspirasi kepada masyarakat dalam melihat potensi kreatif yang mampu menjadi sumber

ekonomi dan nilai artistik, sehingga melahirkan usahawan dalam bidang penghasilan arca seumpunya.

Turut serta pada sambutan tahun ini adalah pameran teknologi pengurusan sisa pepejal berteknologi tinggi. Mesin pengkomposan sisa makanan dan juga mesin perawatan sisa makanan menggunakan teknologi pencernaan aerobik (aerobic digestion). Ini akan memberi peluang kepada pengunjung untuk memahami dengan lebih mendalam perawatan sisa pepejal organik yang boleh dilakukan oleh mereka. Selain itu juga, pameran ini akan memberikan pendedahan kepada pengunjung tentang teknologi perawatan sisa yang diolah menjadi tenaga (waste to energy) seperti yang telah dijalankan di negara-negara maju yang lain, bersesuaian dengan tema #PeluangKedua tersebut. Perawatan sisa pepejal menggunakan teknologi haba magnetik (magnetic heat) juga dipamerkan dimana produk sampingan dari perawatan tersebut adalah abu dan enap cemar (sludge) yang dapat diguna semula dalam industri simen, tar dan bahan bakar seperti arang. Konsep *waste to wealth* ataupun menjadikan sisa pepejal sebagai bahan sekunder (secondary material) ini adalah selaras dengan tema HKSK 2017 ini.

Para pengunjung juga berpeluang untuk melibatkan diri dalam aktiviti mengitar naik (upcycling) yang mana pengunjung didedahkan melalui bengkel membuat barangan daripada barangan kitar semula ini yang menggunakan kaedah bertukang sendiri (do it yourself - diy) melibatkan tiga aktiviti iaitu membuat beg daripada kemeja-t terpakai; menanam pokok herba di dalam tin minuman terpakai; dan membuat batik daripada tisu. Ketiga-tiga aktiviti ini juga diharap dapat memberi inspirasi kepada masyarakat bagi menghasilkan bahan kreatif daripada kitar semula. Bagi pengunjung cilik aktiviti *waste art for kids* bagi menghasilkan kapal terbang daripada botol plastik dan kertas terpakai; dan membuat kolaj daripada kertas terpakai disediakan buat mereka. Kesemua aktiviti ini dilaksanakan secara percuma dengan menggunakan barangan terpakai dan kos yang minimum.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Tan Sri Noh bin Haji Omar. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu PLAN Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my